



JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK
Kementerian Sumber Manusia
Tkt. 13, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
Peti Surat 1383
93532 KUCHING
SARAWAK



Tel: 6082-242261 / 414062
Tel 1MOCC: 603-8000 8000
Faks: 6082-244909 / 237051
Laman Web: <http://jtkswk.mohr.gov.my>

Rujukan : JTKSWK-DG-23(A)JLD.11(6)

Tarikh: 6 Mac 2018

Pengurus Besar
Sarawak Timber Association,
11th Floor, Wisma STA,
26, Jalan Datuk Abang Abdul Rahim,
93450, Kuching, Sarawak.

Tuan,

PEMBAYARAN LEVI PEKERJA ASING

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.


2. Kerajaan Malaysia melalui Jemaah Menteri pada 25 Mac 2016 telah memutuskan bahawa bayaran levi pekerja asing ditanggung oleh majikan berkuatkuasa 1 Januari 2017. Namun setelah menerima pandangan dan maklumbalas daripada pertubuhan-pertubuhan majikan dan mengambil kira kos menjalankan perniagaan, tempoh penyesuaian industri dan pengurusan sumber manusia syarikat, Kerajaan telah memutuskan supaya majikan di seluruh Malaysia adalah bertanggungjawab untuk membayar levi pekerja asing mulai **1 Januari 2018**.

3. Disertakan bersama ini salinan Kenyataan Media Kementerian Sumber Manusia yang menerangkan maksudnya sendiri untuk makluman dan rujukan pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi”

Saya yang menurut perintah,


(SULAIMAN BIN ISMAIL)
Timbalan Pengarah Tenaga Kerja,
Sarawak



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

PEMBAYARAN LEVI PEKERJA ASING

Putrajaya, 20 Disember – Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) telah menggariskan inisiatif bagi menambahbaik sistem pengurusan pekerja asing di Malaysia. Antara inisiatif tersebut adalah mengehendkan penggajian pekerja asing pada kadar 15% daripada jumlah guna tenaga negara menjelang tahun 2020 dan mengawal selia kemasukan pekerja asing berkemahiran rendah melalui penambahbaikan sistem levi pekerja asing.

Dalam usaha mencapai inisiatif tersebut, Jemaah Menteri pada 25 Mac 2016 telah bersetuju supaya bayaran levi pekerja asing ditanggung oleh majikan berkuatkuasa 1 Januari 2017. Namun setelah menerima pandangan dan maklum balas daripada pertubuhan-pertubuhan majikan dan mengambil kira kos menjalankan perniagaan, tempoh penyesuaian industri dan pengurusan sumber manusia syarikat, Kerajaan telah memutuskan supaya majikan di seluruh Malaysia adalah bertanggungjawab untuk membayar levi pekerja asing mulai **1 Januari 2018**.

Pertubuhan-pertubuhan majikan tersebut terdiri daripada *Malaysian Employers Federation (MEF), Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), National Chamber of Commerce and Industry of Malaysia (NCCIM), Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM), SME Association of Malaysia, Japanese Chamber of Trade and Industry, Malaysia (JACTIM), Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry (MAICCI), Master Builders Association Malaysia (MBAM), Malaysian Air Conditioning & Refrigeration Association (MACRA), Malaysian Rubber Products Manufacturers Association (MRPMA), Malaysia Furniture Council (MFC), Melaka Chinese Chamber of Commerce and Industry (MCCCI), Malaysia Used Vehicle Autoparts Traders Association (MUVATA), Federation of Malaysian Foundry & Engineering Industries Association (FOMFEIA), Federation of Malaysian Foundry & Engineering Industries Association (FOMFEIA) dan Taipei Investors' Association in Malaysia (TiAM).*

Melalui pelaksanaan dasar ini, **semua majikan di seluruh Malaysia mestilah menanggung pembayaran levi bagi pekerja asing baharu dan pekerja asing yang telah diperbaharui Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).**

Ketetapan dasar ini **turut terpakai** kepada majikan-majikan **yang telah mendahulukan pembayaran levi** pekerja asing **sebelum** dasar ini dikuatkuasakan walaupun tempoh PLKS masih aktif dari tahun 2017 dan akan tamat tempoh pada tahun 2018.

Ketetapan pembayaran levi oleh majikan adalah termaktub dalam dokumen *Employers Undertaking* yang perlu ditandatangani oleh majikan sebelum dibenarkan untuk menggajikan pekerja asing. Tindakan tegas akan dikenakan ke atas majikan yang gagal mematuhi undang-undang, peraturan dan dasar yang telah ditetapkan berhubung pembayaran levi pekerja asing.

Butiran kadar levi ditetapkan adalah seperti di **Jadual Kadar Pembayaran Levi Pekerja Asing** yang terlampir.

###

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
20 Disember 2017

**Jadual
Kadar Pembayaran Levi Pekerja Asing**

| SEMENANJUNG MALAYSIA | |
|-----------------------------|----------------------------------|
| SEKTOR | KADAR LEVI |
| Perkilangan | RM1,850 |
| Pembinaan | |
| Perkhidmatan | |
| Perladangan | RM640 |
| Pertanian | |
| Pembantu Rumah | RM410 RM590 RM590 RM590 |
| a. Pertama | |
| b. Kedua | |
| c. Ketiga | |
| d. Keempat & berikutnya | RM590 |

| SABAH & SARAWAK | |
|----------------------------|--------------------------------------|
| SEKTOR | KADAR LEVI |
| Perkilangan | RM1,010 |
| Pembinaan | RM1,010 |
| Perkhidmatan | RM1,490 |
| Perladangan | RM 590 |
| Pertanian | RM 410 |
| Pembantu Rumah | RM 410 RM 590 RM 590 RM 590 |
| a. Pertama | |
| b. Kedua | |
| c. Ketiga | |
| d. Keempat & berikutnya | RM 590 |

(Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia)

Nota:

Kadar levi di Sabah dan Sarawak bagi sub sektor rumah kebajikan adalah RM650 dan bagi sub sektor pulau peranginan adalah RM1,010.